



ANTARA pelajar yang mengikuti forum Jati Diri 1Malaysia di UUM, Sintok, baru-baru ini.

BLH 8/4/2011 24/33.

Bahasa, sejarah kebangsaan asas pupuk

Jika dua nilai penting dibiarkan terhakis bakal rosakkan perpaduan, hancurlah

FORUM Jati Diri 1Malaysia anjuran bersama Jabatan Penerangan, *Berita Harian*, Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) dan Persatuan Sarjana Komunikasi dan Media (PERSKOM) di Dewan Muadzam Shah, Universiti Utara Malaysia (UUM) 4 April lalu merumuskan dua elemen penting iaitu bahasa dan sejarah kebangsaan perlu diperkasakan untuk memastikan usaha memupuk jati diri dalam diri setiap warga negara ini mampu dilaksanakan.

Dua tokoh yang dijemput sebagai panel iaitu Prof Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi UiTM Shah Alam, Datuk Dr Rahmlah Adam dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa (HEPA), Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid sependapat bahawa jati diri rakyat negara ini, terutama generasi muda harus diperkasakan melalui dua elemen penting itu kerana ia teras kepada penyatuan bangsa Malaysia yang berbilang kaum.

Sambil menggesa supaya kedudukan bahasa kebangsaan diletakkan di tempat lebih tinggi, mereka juga melihat pengetahuan dan penghayatan terhadap sejarah negara mampu menyelesaikan banyak polemik antara kaum yang digembar-gemburkan orang politik sehingga adakalanya menyebabkan ketegangan.

Dua perkara ini agak lama terabai walaupun ada pelbagai usaha untuk memastikannya terus hidup, namun kurang mendapat sambutan kerana sikap yang menganggap ia tidak penting dan hanya mahu lulus periksa.

Bagi Ramlah Adam, meskipun Fasal (1) Per-

lembagaan 1952 dalam Perlembagaan Persekutuan termaktub bahawa bahasa kebangsaan negara ialah bahasa Melayu, ia tidak harus dilihat dan dirasakan sebagai bahasa kaum Melayu saja kerana tujuan dan peranannya diletakkan setinggi itu kerana nilai besar sebagai penyatu kepada masyarakat negara ini.

Justeru, menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rakyat Malaysia adalah penting kerana nilai ini jika dibiarkan terhakis akan merosakkan perpaduan bangsa seterusnya menghancurkan negara.

"Saya amat berharap semua pihak mulai sekarang menanam kesedaran tinggi mengenai fungsi bahasa kebangsaan sebagai penyatu rakyat dan pada masa sama perlembagaan juga tidak menghalang bahasa ibunda lain untuk dituturkan. Bahasa kebangsaan tetap perlu diberi penghayatan tinggi.

"Semangat seperti ini sudah tidak asing dan menjadi inti pati kepada penyatuan bangsa di kebanyakan negara maju. Seiring dengan ketinggian pencapaian mereka dalam pelbagai bidang, setinggi itu jugalah cinta mereka terhadap bahasa Kebangsaan masing-masing.

"Hal ini boleh kita ambil contoh dari China, Jepun, Korea dan Perancis yang mempunyai kecintaan tinggi terhadap bahasa kebangsaan masing-masing," katanya.

Beliau berkata, kecintaan tinggi terhadap bahasa kebangsaan tidak harus membataskan keinginan untuk mempelajari bahasa lain kerana ia perlu, terutama bahasa yang membuka ruang kepada rakyat untuk mempelajari sesuatu ilmu secara lebih mendalam.

"Kita tidak boleh nafikan bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris penting kepada kita. Namun, jiwa kita harus besar dan bangga

apabila bertutur bahasa kebangsaan dan pada masa sama kita mahir menggunakan bahasa asing.

"Kita harus bangga sebagai rakyat Malaysia jika mampu menguasai bahasa kebangsaan sendiri. Kita harus bangga meletakkan darjat yang tinggi terhadap bahasa kebangsaan kita.

"Saya percaya jika ini dapat diterapkan, negara ini akan mencapai tahap tinggi dalam perpaduan kerana kecintaan terhadap bahasa kebangsaan dengan sendirinya memberi kesedaran terhadap perlunya tolak ansur dan semangat persaudaraan," katanya.

Elemen kedua yang mampu membentuk jati diri ialah pengetahuan mendalam mengenai sejarah kebangsaan negara sejak dulu hingga kepada zaman penjajahan dan masa selepasnya dengan menceritakan bagaimana Malaysia terbentuk hingga menjadi negara demokrasi berperlembagaan hari ini.

Dalam hal ini, Ramlah yang menggunakan istilah 'sejarah kebangsaan' berhujah bahawa pendirian British ketika menjajah negara ini dengan tidak meminggirkan Raja Melayu secara tidak langsung mengiktiraf kewujudan negeri Melayu yang dinaungi dan diperintah raja. Ia bukti jelas kerajaan Melayu yang terpecah mengikut negeri seperti Perak, Pahang, Terengganu dan Selangor memang wujud dan diiktiraf kedaulatannya oleh masyarakat antarabangsa.

"Ini jugalah asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dan rentetan daripada itu pelbagai kisah yang kini menjadi sejarah berlaku sehingga perhimpunan besar orang Melayu yang dipimpin Datuk Onn Ja'afar pada 1946 bertujuan menentang pembentukan Malayan Union.



SYAHARIM ABDON | BERITA HARIAN



“*Saya amat berharap semua pihak mulai sekarang menanam kesedaran tinggi mengenai fungsi bahasa kebangsaan sebagai penyatu rakyat dan pada masa sama perlembagaan juga tidak menghalang bahasa ibunda lain untuk dituturkan. Bahasa kebangsaan tetap perlu diberi penghayatan tinggi”*

jati diri

kan negara

Rahmah Adam
Prof Fakulti Sains Pentadbiran
dan Pengajian Polisi UiTM

“Asas daripada itu gerakan menuntut kemerdekaan semakin marak di kalangan orang Melayu, mereka mula bangkit sehingga akhirnya Bapa Kemerdekaan Negara, Tunku Abdul Rahman berjaya mendapatkan kemerdekaan secara bersama dengan etnik lain yang sudah seperti saudara kepada orang Melayu melalui meja rundingan.

“Ini asas mengapa kedudukan negara seperti hari ini dan semua harus faham mengenai sensitiviti kaum lain. Masing-masing ada hak sendiri, oleh itu, saya harap generasi muda tidak terlalu terpengaruh dengan anasir yang memecahbelahkan rakyat,” katanya.

Sebagai sejarawan Ramlah berpendapat, meskipun keadaannya begitu, ia tidak harus dibangkitkan bahawa ada kaum menjadi tuan kepada kaum lain kerana ia bukan semangat kemerdekaan. Cuma apa yang termaktub seperti kedudukan raja yang menaungi orang Melayu tidak boleh diubah.

“Ia fakta dan sejarah kebangsaan kita yang saya harap difahami secara mendalam oleh semua orang supaya tidak timbul percanggahan yang keterlaluan sehingga menyinggung perasaan sesama sendiri.

“Justeru, saya berharap kerajaan yang mula menunjukkan minat untuk memperkasakan pendidikan sejarah segera mengambil langkah untuk memastikan ia boleh dilaksanakan demi kebaikan semua pihak dan masa depan negara.

“Seperti bahasa, ini jugalah yang diamalkan di negara maju yang amat mementingkan sejarah kebangsaan mereka sendiri dan bangga dengannya. Saya percaya dengan cara ini saja jati diri kita akan jadi kuat dan tidak tergugat sampai bila-bila,” katanya.



Ahmad Faiz Hamid

Pendapat itu disokong Ahmad Faiz yang sentiasa mengingatkan generasi muda supaya berpegang teguh kepada semangat atau prinsip persaudaraan dengan hak masing-masing dijaga dan dibajai supaya sentiasa subur.

Katanya, tidak ada guna melakukan tindakan keterlaluan untuk kepentingan sendiri kerana akhirnya orang lain juga tidak duduk diam kerana berasakan hak mereka juga tercabar.

“Jika itu berlaku saya tidak nampak apa kebbaikannya kepada negara. Jika tidak ada lagi rasa hormat antara satu sama lain seperti ingin diterapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melalu gagasan 1Malaysia negara ini akan binasa akhirnya,” katanya.